



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

21 APRIL 2021 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

21 APRIL 2021 (RABU)

Semua penguat kuasa KPDNHEP pantau harga - Rosol

PETALING JAYA: Seramai 2,300 penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KP-DNHEP) terlibat dalam pemantauan sebaik sahaja Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 dilaksanakan bermula hari ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, jumlah itu boleh dikatakan melibatkan semua penguat kuasa yang ada di setiap negeri bagi memantau harga barang di pasaran.

Pihaknya juga meneliti terlebih dahulu kelancaran proses pelaksanaan skim tersebut sebelum mengambil keputusan sama ada mahu membuat kaedah lain.

"Kita ada 2,300 penguat kuasa, boleh di katakan semua terlibat (memantau harga). Setakat ini tiada penambahan anggota. Setiap negeri dan setiap kawasan, semua turun padang.

"Apabila kita letak harga, kita tengok dahulu bagaimana pelaksanaannya nanti. Setakat ini tiada (kaedah lain). Bagaimanapun semalam (kelmarin) hanya umum 12 barang, nanti kita tambah barang lain," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Semalam, akhbar ini mela-porkan, SHMMP 2021 dikuatkuasakan lebih awal dalam tempoh lebih panjang bermu-



ROSOL WAHID

la hari ini sehingga 20 Mei ini.

Tempoh penguatkuasaannya selama 30 hari iaitu 22 hari sebelum perayaan, pada hari perayaan dan tujuh hari selepas hari perayaan berbanding pelaksanaannya 15 hari sahaja sebelum ini.

Dalam pada itu, mengenai keperluan turun memantau ladang-ladang ayam berkata, Rosol berkata, buat masa sekarang, tidak timbul isu turun memantau situasi sebenar ladang tersebut sama ada kenaikan harga ayam disebabkan harga makanan ternakan.

"Kita rasa sudah tidak perlu turun ke ladang ayam seperti yang dimaklumkan sebelum ini sebab kita sudah tetapkan harga (melalui SHMPP). Oleh itu, kita tengok proses (kelancarannya) terlebih dahulu," katanya.



ADNAN Abd. Rahman (kanan) bersama pegawai polis meninjau harga ayam di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan, semalam. - IHSAN KPDNHEP KELANTAN

Harga ayam naik RM1 di Kelantan

Oleh YATIMIN ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Harga ayam di Pasar Siti Khadijah, di sini serta beberapa pasar utama lain di Kelantan dilaporkan mencecah RM9.50 hari ini, naik RM1 hanya dalam tempoh tiga hari berbanding RM8.50 pada Sabtu lalu.

Ketika tinjauan *Utusan Malaysia* hari ini, rata-rata peniaga mengeluh jika terpaksa menjual harga ayam mengikut Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) sedangkan mereka mendapat bekalan dengan harga yang sudah mahal.

Seorang peniaga enggan dike-

nali berkata, disebabkan harga borong ayam diterimanya sudah melambung, dia tiada pilihan kecuali menaikkan harga runcit bagi mengelak kerugian.

"Bagaimana kami nak jual ayam dengan harga murah kalau harga bekalan yang kami terima semakin naik dari hari ke hari? Lebih malang, kami pula yang disalahkan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Terdahulu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memberitahu SHMMP 2021 akan berkuasa bermula esok hingga 20 Mei depan sebagai langkah kera-

jaan mengawal harga barang ketika musim perayaan ini.

Sementara itu, sebanyak 48 notis amaran telah dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan ke atas peniaga dan pemborong ayam di negeri ini.

Pengarahnya, Adnan Abd Rahman berkata, kesemua notis dikeluarkan menerusi Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 menerusi Ops Catut 8.0 sejak Khamis hingga semalam.

Menurutnya, ia merangkumi pelbagai kesalahan termasuk kenaikan harga melampau.



SALMIAH Abd. Rashid memotong ayam dibeli pelanggan di Pasar Besar Kuala Berang, Hulu Terengganu, semalam. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

RM8.70 kg harga paling mahal pernah dijual

HULU TERENGGANU: Sepanjang 10 tahun Salmiah Abd. Rashid, 53, mengusahakan perniagaan ayam di Pasar Besar Kuala Berang di sini, harga paling mahal yang pernah dikenakan kepada pelanggan adalah RM8.70 sekilogram.

Menurut Salmiah, walaupun segerinti peniaga memilih menaikkan harga ayam standard sehingga RM10 sekilogram, tetapi dia kekal menggunakan kadar RM8.70 sejak dari 13 April lalu hingga kini.

"Malah, harga yang sama turut digunakan semasa beberapa hari menjelang Hari Raya Aidilfitri pada tahun lalu.

"Bagi saya harga RM7.90

sekilogram bermula esok boleh dipatuhi, tetapi pembekal juga perlu memainkan peranan menurunkan harga kalau tidak kami peniaga yang bertambah 'sakit', katanya ketika ditemui hari ini.

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa dikuatkuasakan bermula hari ini hingga 20 Mei sebagai langkah menyekatkenakan harga barang keperluan pada bulan Ramadan dan menjelang Aidilfitri, 13 Mei ini.

Antara yang terlibat ialah ayam standard dijual pada harga RM7.90 sekilogram manakala daging lembu tempatan RM34 sekilogram.

Menurut Salmiah, tindakan peniaga menaikkan harga barang basah itu bukan untuk mengaut keuntungan, sebaliknya bagi menampung kos mahal yang dikenakan pembekal.

Katanya, harga ayam standard paling rendah pernah dijualnya ialah RM3.70 sekilogram semasa peringkat awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lalu berikut bekalan yang banyak.

"Sebagai peniaga saya terpaksa juga menaikkan harga jualan namun pada kadar yang masih tidak membebankan pengguna," katanya.

Penguat kuasa KPDNHEP Johor dikerah pantau harga

Pastikan barang keperluan cukup, elak peniaga ambil kesempatan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Seramai 200 penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor dikerah bagi memantau dan memastikan barang keperluan mencukupi pada Ramadan dan Aidilfitri.

Pengarahnya, Mohd Hairul Anuar Bohro, berkata penguat kuasa KPDNHEP juga diarahkan sentiasa memantau harga barang keperluan sepanjang masa bagi memastikan ia tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

Bazar Ramadan juga akan menjadi tumpuan utama penguat kuasa, selain pasar awam di negeri ini.

"Menerusi Ops Pantau, seramai 200 penguat kuasa KPDNHEP Johor akan memantau pasar awam dan bazar Ramadan secara harian bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan. Selain memastikan tanda harga sentiasa diletak, penguat kuasa juga akan memastikan harga barang yang dijual sepadan dengan kualiti terutama di bazar Ramadan.

"KPDNHEP memberi amaran kepada peniaga mahu pun pemborong supaya tidak menaikkan harga sesuka hati atau mereka



Mohd Hairul Anuar (tengah) ketika tinjauan di sebuah kilang penyembelihan dan pemprosesan ayam di Seelong, Kulai, Johor, semalam.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

akan diberikan notis sebelum dihadapkan ke mahkamah kerana pencatutan harga. Hari ini (semalam), KPDNHEP Johor melaksanakan operasi serentak di seluruh negeri.

"Ia bagi memeriksa bekalan ayam dari peringkat pengeluar di ladang, pemborong dan peruncit. Hasilnya, mendapat bekalan ayam mencukupi hingga Aidilfitri nanti," katanya selepas meninjau ladang ayam di Pekan Nanas, Pontian dan pemborong ayam di Senai, semalam.

Mengulas lanjut mengenai harga ayam yang dilaporkan naik mendadak sejak hari pertama Ramadan, Mohd Hairul Anuar berkata, Johor tidak mengalami kekurangan bekalan ayam segar selepas pemeriksaan dilakukan di

enam ladang utama di negeri ini.

"Tinjauan KPDNHEP mendapat bekalan ayam negeri ini mencukupi hingga Aidilfitri, namun peladang memberi alasan harga bahan mentah jagung yang dijadikan makanan ternakan mereka naik kebelakangan ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau memberi amaran supaya peladang, pemborong dan peniaga tidak mengambil kesempatan berikutkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 akan bermula hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, KPDNHEP Johor sudah mengeluarkan 32 notis susulan kenakan harga ayam segar di negeri

ini bagi tempoh lapan hari sejak awal Ramadan lalu.

"Ia membabitkan 25 peniaga runcit dan tujuh pemborong ayam segar di pasar awam di sekitar negeri ini. Semua diberikan notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 201, bagi mendapatkan maklumat kenaikan harga yang berlaku dan mengesahkan wujud sebarang elemen pencatutan," katanya.

Pengguna di negeri ini yang mahu menyalurkan aduan salah laku peniaga diminta menghubungi 03-80008000, pusat sehenti di 1800886800, Pusat Maklumat Penguatkuasa di 03-88826245/6088, WhatsApp KPDNHEP di talian 019-2794317 atau aplikasi telefon Ez ADU.

Jamin bekalan cukup sehingga Aidilfitri

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mendapati bekalan ayam di negeri ini mencukupi untuk sepanjang Ramadan ini dan Aidilfitri pertengahan Mei depan.

Pengarahnya, Mohd Hairul Anuar Bohro berkata, di sebalik harga ayam yang dilaporkan naik mendadak sejak hari pertama Ramadan, negeri ini tidak mengalami masalah kekurangan bekalan ayam segar selepas periksaan dilakukan di enam ladang utama.

"Tinjauan KPDNHEP mendapati bekalan ayam negeri ini mencukupi sehingga Aidilfitri nanti, namun peladang memberi alasan harga bahan mentah jagung yang dijadikan makanan ternakan mereka, naik kebelakangan ini.

KPDNHEP Johor memberi amaran supaya peladang, pemborong dan peniaga tidak mengambil kesempatan berikutan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021, akan bermula esok (hari ini)," katanya.

No shortage of chicken for Raya

But prices not expected to come down as production cost has increased, traders say

By RENA LIM
rena@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The supply of chicken throughout Ramadan up to Hari Raya will be sufficient but prices are not expected to come down as the production cost keeps increasing.

Mohamad Nasurudeen Amnullah, 48, who sells chicken at the Batu Lanchang market here, said he had ordered less chicken from the supplier even though the demand for

chicken would go up in the coming weeks.

"But there is plenty of supply and there is no need to worry about shortage."

"Due to suppliers selling the chicken at higher prices, we ordered less as we may lose money if we order too much," he said yesterday.

Mohamad Nasurudeen said in January, each bird was about RM6 per kg but the price had increased by 30%.

"Now we are getting our stock at

over RM8 per kg, which is quite high," he said.

Another trader Ching Kang Tai, 39, said he decided to order 30% less stock due to the current situation.

"The demand is there but we have to order less now."

"It is impractical for us to buy chicken from suppliers at RM8.20 per kg and to sell it at a lower price.

"If we sell the chicken at a higher price, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will

come after us.

"At the same time, it is not possible for us to sell at a lower price because we will suffer losses," he said.

When they asked their suppliers about the price hike, they were told it was due to an increase in production cost.

"The suppliers said the cost of chicken feed has gone up and they needed to increase their prices if they were to continue feeding the chicken properly in their farms,"

said Ching.

The government on Monday announced 12 food items from the four main categories of beef, chicken, eggs and seafood would be put under a price control list.

With Hari Raya approaching and prices of certain essential food items soaring, the price control list will be enforced over a longer period.

Instead of the usual 14 days, price control for this Hari Raya will last for 30 days from April 21 to May 20.

● Penternak desak kaji SHMMP 2021 ● Peniaga bergantung harga pemborong

Isu harga buntu

PETALING JAYA: Penyelesaian harga barang keperluan harian buntu berikutnya desakan penternak yang mahu kerajaan mengkaji semula Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 yang diperkenalkan bagi mengawal kenaikan kos.

Mereka berpendapat harga yang disyorkan oleh kerajaan itu perlu dikaji semula bagi mengelakkan penternak terus terbeban dengan kenaikan kos dedak pada masa kini.

Timbalan Pengerusi Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia, Lee Yoon Yeau memberi contoh, harga kawalan bagi telur gred A dan B disifatkan terlalu rendah dan tidak sepadan dengan kenaikan kos harga dedak.

Katanya, harga tersebut perlu dikaji semula bagi mengelakkan penternak terus terbeban.

Bersambung di muka 2

Isu harga buntu

Dari muka 1

"Harga kawalan telur A dan B terlalu rendah. Kami jual harga ladang pun 34 sen bagi telur gred A. Tempoh sebulan skim tersebut terlalu lama berbanding tempoh sebelum ini iaitu maksimum selama dua minggu," katanya di sini semalam.

Pembekal dan penternak ayam, **Amirul Aqmal Razarudin**, 29, berkata, realitinya dia berdepan tekanan apabila harga dedak berubah setiap minggu menyukarkannya menjual ayam kepada pemborong.

"Jika kerajaan hendak bantu rakyat, bantu dengan mengimport bahan mentah yang lebih murah untuk dedak..."



Jika kerajaan hendak bantu rakyat, bantu dengan mengimport bahan mentah yang lebih murah untuk dedak..."

AMIRUL AQMAL RAZARUDIN

bagi harga murah, Insya-Allah kita boleh jual murah. Sejak hari pertama puasa sudah enam kali naik dan setiap kali naik 30 sen sekilogram. Kalau mereka turunkan tak ada masalah.

"Kita pun tak tahan nak jual mahal, pelanggan memang mengeluh juga, kami untung tak banyak," katanya.

Penjual daging tempatan, **Zulkifli Saad**, 54, berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu memantau kenaikan harga ini dalam kalangan pemborong dan penternak.

"Pemborong tolak sekarang pun RM35 setiap kilogram, takkan kita nak jual RM34 pada harga siling rugilah. Kalau kerajaan boleh pasti pemborong ikut harga siling mereka kami tidak ada masalah," katanya.

Peniaga ayam di Kuantan, Pahang, **Shahrom Mohamad**, 40, dia kini dalam dilema berikutnya harga ayam yang diperoleh daripada pemborong naik mendadak sejak awal Ramadan menyebabkan mereka terpaksa menjualnya pada harga tinggi.

"Harga ayam standard yang

diperoleh daripada pemborong RM8.70 sekilogram jadi kami terpaksa jual RM10 sekilogram dan untuk esok (hari ini), kami bergantung kepada harga ditawarkan pemborong," katanya.

Kebimbangan sama turut disuarakan peniaga ayam di Perlis, **Madiyah Mansor**, 50, yang mana pelaksanaan SHMMP 2021 akan memberi tekanan kepada mereka akibat harga ayam dari pembekal yang tinggi namun perlu dijual pada harga rendah.

Katanya, untuk bulan ini, lima kali pembekal menaikkan harga ayam sekitar 30 sen sehingga mereka terpaksa jual RM9 sekilogram ketika ini.

Dalam pada itu, seorang peniaga ayam yang hanya mahu dikenali sebagai **Nordin**, 48, di Pulau Pinang berkata, dia buntu memikirkan nasibnya selepas ini sedangkan isu kenaikan harga ayam daripada peringkat penternak dan pemborong masih belum selesai.

"Esok (hari ini) harga ayam standard yang siap diproses ditetapkan pada harga RM7.90 sekilogram. Kami memang terpaksa akur dengan harga jualan tersebut dan bertahan selama 30 hari ini.

"Bagaimanapun, hari ini timbul pula masalah apabila pihak pemborong belum bersedia menggunakan pakai harga kawalan iaitu RM7.10 sekilogram dan mahu mengekalkan harga terkini ayam pada harga RM8.10.

"Pemborong mengatakan yang mereka memperoleh harga ayam hidup sekitar RM5.80 sekilogram daripada penternak dan itu belum lagi dibuang organ dalaman," katanya.

Mereka memberitahu tidak mempunyai masalah mengikuti harga siling ditetapkan kerajaan jika memperoleh harga lebih murah daripada pemborong

dan penternak yang merupakan pemain utama dalam rantai perniagaan tersebut.

Peniaga ayam di Pasar Besar Alor Setar, Kedah, **Syamin Abdul Aziz**, 49, berharap pemborong mematuhi harga siling SHMMP 2021.

"Sekiranya pemborong boleh

Harga ayam mahal

Kos makanan meningkat jadi punca

Harga bahan mentah, kos buruh ketika PKP turut pengaruhi jualan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kos makanan ayam yang meningkat sehingga lebih 50 peratus sejak Januari tahun lalu, didakwa antara punca kenaikan harga hasil ternakan itu di pasaran.

Persekutuan Persatuan-Persatuan Pernernak Malaysia (FLFAM) mendakwa, bahan mentah seperti jagung import meningkat sebanyak 41.3 peratus iaitu daripada RM920 pada Januari 2020 kepada RM1,300, Mac lalu.

Katanya, bahan lain seperti kacang soya import pula meningkat sebanyak 57.6 peratus, iaitu da-

ripada RM1,650 kepada RM2,600, manakala minyak sawit mentah meningkat 43.3 peratus atau daripada RM3,000 kepada RM4,300.

"Harga ayam daging dipengaruhi kos pengeluaran di ladang, termasuk harga bahan mentah untuk makanan yang biasanya bersumberkan jagung, kacang soya dan minyak sawit.

"Kos buruh yang meningkat ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga mempengaruhi harga ayam," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga sebelum ini, memaklumkan kenaikan harga makanan ternakan, iaitu soya dan jagung diimport dari Argentina dan Brazil antara punca menyumbang kepada peningkatan harga ayam di pasaran.

Analisis awal kementerian turut mendapati kenaikan harga makanan ternakan itu menjelaskan harga ayam dalam rantai bekalan daripada peringkat ladang ke pemborong, peruncit dan pengguna sehingga mengundang



Harga ayam segar naik hampir setiap hari sehingga ada peniaga menjual RM9.20 sekilogram.

(Foto hiasan)

rungutan pengguna berikutnya kenaikan harga berlaku hampir setiap hari dan terdapat peniaga yang menjual ayam sehingga RM9.20 sekilogram.

Dalam kenyataan sama, FLFAM juga menjelaskan, ladang ayam ketika ini terpaksa menanggung tambahan kos atas faktor mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang diwajibkan ke atas pekerja mereka.

"Pekerja sudah kembali ke negera masing-masing ketika pandemik melanda disebabkan beberapa faktor seperti bimbang keselamatan keluarga mereka.

"Disebabkan itu juga ladang tidak mampu mencari pekerja baharu mengakibatkan pekerja sejia ada terpaksa dibayar lebih kerana bekerja lebih masa," katanya.

Sementara, Penasihat FLFAM, Jeffrey Ng, berkata penternak akur dengan keputusan kerajaan untuk menetapkan ayam di bawah Skim Harga Maksimum Mu-

sim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 selama 30 hari, bermula hari ini meskipun mereka berdepan kenaikan kos makanan ayam.

"Apabila diletakkan di bawah SHMMP, ayam terpaksa dijual di bawah harga pengeluaran, namun tidak bermakna semua penternak menanggung kerugian yang besar.

"Kita faham dalam tempoh ini, semua orang ada kesukaran masing-masing termasuk penternak yang memang berdepan dengan harga makanan ternakan yang terlalu tinggi.

"Apabila kerajaan membuat keputusan harga maksimum ini, kita akur dan akan patuh demi kepentingan rakyat.

"Malah kerajaan juga faham situasi yang dihadapi kami. Melalui harga ini, untuk kata kami rugi besar, tidak juga, sebaliknya cukup rezeki untuk dikongsikan dengan rakyat Malaysia," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, KPDNHEP mengumumkan 12 jenis barang-barang bawah SHMMP termasuk ayam, telur ayam, daging serta hasil laut seperti ikan tongkol, selayang, kembung dan mabung.

Skim itu dilaksanakan sebagai langkah menyekat kenaikan harga barang keperluan ketika Ramadhan dan menjelang Aidilfitri.

Di samping mengenai kenaikan kos makanan ayam, Jeffrey menjelaskan, ia diburukkan lagi dengan situasi COVID-19 yang melanda negara ketika ini.

"Sebenarnya kita mula bergetut dengan kenaikan harga makanan ayam sejak tiga tahun lalu lagi, malah ada penternak hanya mampu bertahan tanpa sebarang keuntungan, bertahan kerana sudah ada dalam industri ini.

"Harga kos makanan ayam meningkat sehingga 40 peratus ke 50 peratus dan disebabkan itulah, berlaku peningkatan harga ayam yang tidak boleh dielakkan," katanya.

'Jangan bunuh bisnes kami'

Penternak dakwa terpaksa menanggung kos tinggi sejak dua tahun lalu

PENTERNAK mempersoalkan cadangan kerajaan hendak mengimport ayam sedangkan bekalan tempatan mencukupi untuk pasaran di seluruh negara.
GAMBAR HIASAN

CADANGAN kerajaan untuk menambah permit import ayam bagi memaksa peniaga menurunkan harga ketika ini bakal 'membunuh' lebih 3,000 penternak tempatan yang mendakwa telah beroperasi dalam kerugian sejak dua tahun lalu.

Mereka mempersoalkan mengapa kerajaan membuat cadangan itu sedangkan ayam tempatan mencukupi untuk pasaran di seluruh negara dengan harga masih murah berbanding negara-negara ASEAN seperti Filipina, Vietnam dan Myanmar.

» LAPORAN PENUH DI MUKA 2

PLFAM dakwa lebih 3,000 penternak ayam serap kos kenaikan lebih 50 peratus

'Dua tahun dah kami tanggung rugi'

Oleh ZULKIFLI MANZOR,
SHARKAWI LONDING, NUR
NAZLINA NADZARI, NOR
SHAFAWATI YUP dan NOOR
HASLIZA NUSI

PETALING JAYA – Persekutuan Persatuan Penternak Malaysia (PLFAM) menyifatkan cadangan kerajaan mahu mengimport ayam bagi menurunkan harga runcit di Malaysia bakal 'membumi' perniagaan lebih 3,000 penternak tempatan.

Presidennya, Tan Chee Hee berkata, langkah mengimport ayam dari luar negara akan turut merosakkan industri tempatan memandangkan bekalan ayam sedia ada dalam negara adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan.

"Isu kenaikan harga ayam bukan disebabkan kekurangan bekalan tetapi kerana kos operasi meningkat sehingga 50 peratus. Sudah dua tahun kami beroperasi dalam keadaan rugi."

"Justeru kami perlu jual ayam berdasarkan kos operasi untuk mendapatkan sedikit keuntungan. Lagi pun pengeluaran ayam adalah cukup untuk memenuhi permintaan, maka mengapa perlu ada import supaya berlaku lambakan," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Semalam Kosmo! melaporkan kerajaan bercadang menambah permit import ayam jika golo-



SEORANG peniaga melayan pelanggan di Pasar Kuala Perlis semalam ketika harga ayam naik sehingga mencecah RM10 sekelogram.

ngan penternak tidak menurunkan harga barang basah itu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosli Wahid dipetik sebagai berkata, cadangan itu sedang dibincangkan dengan Kementerian

Pertanian dan Industri Makanan.

Menurut Chee Hee, harga ayam naik kerana pada tahun lalu harga jagung melonjak kepada RM920 satu tan matrik dan sehingga Mac lalu meningkat lagi kepada RM1,300.

Menurut beliau, harga soya

pula meningkat daripada RM1,650 pada tahun 2020 kepada RM2,600 sehingga Mac lalu.

Beliau turut mempersoalkan rasional cadangan mengimport ayam sedangkan harga ternakan itu di Malaysia antara yang terendah di ASEAN.



KERATAN Kosmo! semalam.

Katanya, bagaimana ayam import boleh dijual lebih murah berbanding tempatan sekiranya harga di luar negara lebih tinggi berbanding di negara ini.

"Sebenarnya kita sudah sam-paikan mesej kepada Kementerian Pertanian dan Industri Ma-kanan baru-baru ini.

"Kita harap kerajaan kaji perkara ini. Saya tidak boleh kata betul atau salah cadangan KP-DNHEP itu, namun 3,000 penternak di seluruh negara tidak menyokongnya," katanya.

Sementara itu, satu sumber daripada PLFAM mendakwa harga ayam bagi peringkat ladang di Filipina sekitar RM7.69 sekelogram dan Myanmar RM7.15 seki-lo, sedangkan di Malaysia cuma sekitar RM5.20 sekelogram.

Keadaan itu menyebabkan harga runcit ayam di Filipina sekitar RM13.29 sekelogram, Myanmar (RM21.12), Kembuja (RM14.69) dan Vietnam (RM23.87) sekelogram.

Perlu bertindak awal bukan bila rakyat sudah bising



HARGA ayam mentah yang mahal akan menyebabkan jualan barang siap juga melonjak naik. — GAMBAR HIASAN

PETALING JAYA — Rata-rata peniaga meminta kerajaan menyelesaikan dahulu masalah kenaikan harga di peringkat ladang ternakan agar pematuhan Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 dapat dilaksanakan.

Tinjauan ke Pasar Kuala Perlis, Kangar mendapat rata-rata peniaga bimbang SHMMP 2021 yang berkuat kuasa semalam hingga 30 Mei ini akan memberi tekanan kepada mereka.

Seorang peniaga, Madiah Mansor, 50, berkata, mana mungkin mereka menjual pada harga murah sedangkan pembekal meletakkan harga tinggi.

"Bulan ini sahaja, harga sudah naik sebanyak lima kali sehingga mencecah RM9 sekilogram.

"Macam-macam mahu juga,

gaji pekerja, untung semua itu hendak ambil kira," katanya.

Di Seremban, peniaga mendakwa cadangan kerajaan menambah permit import akan merugikan pembekal kerana itu utama ialah disebabkan oleh kenaikan harga dedak.

Seorang penternak, Amirul Aqmal Razarudin, 29, berkata, dedak naik harga sehingga RM1.50 setiap minggu yang mencecah RM124 untuk 50 kilogram.

"Ini menyebabkan saya sukar menetapkan harga kepada pemborong.

"Jika hendak bantu rakyat, import bahan mentah yang lebih murah untuk dedak," katanya.

Sementara itu, di George Town, seorang pembekal ayam yang mahu dikenali sebagai

Faruk, 40-an, membantah cadangan itu dilihat lebih memberi tekanan kepada pembekal.

"Tindakan itu memberi keuntungan kepada pembekal luar negara, manakala peniaga tempatan turut tersepit," katanya.

Di Johor Bahru, Pengurus Persatuan Peniaga-Peniaga Kecil Pasar Awam Larkin Sentral, Abdullah Idris, 59, tidak bersetuju dengan cadangan itu.

"Ayam import dikuatir mempunyai penyakit selain tidak segar. Harga melambung disebabkan taktik pembekal atau penternak yang mana mengeluarkan bekalan pada stok sedikit.

"Sepatutnya pada musim-musim perayaan macam ini kerajaan membuat pemantauan harga siring bukan pengguna sudah bising baru nak itu ini," katanya.

HARI :	RABU
TARIKH :	21/4/2021
M/SURAT :	6

40 TO 50 PER CENT INCREASE

Costly feed, labour cost linked to chicken price hike

KUALA LUMPUR: The surge in prices of raw materials to produce chicken feed and increase of labour cost due to the Covid-19 pandemic have affected the operating cost of chicken farms.

These factors led to the increase of chicken prices in markets nationwide.

The Federation of Livestock Farmers' Association of Malaysia said the prices of three raw materials to produce feed had seen significant price increases of up to 58 per cent last month.

The three raw materials were imported corn, imported soya bean meal and crude palm oil.

The price of imported soya bean meal had increased by 57.6

per cent from RM1,650 in January last year to RM2,600 last month.

During the same period, the association said prices of crude palm oil experienced a 43.3 per cent increase from RM3,000 to RM4,300, while prices of imported corn had increased by 41.3 per cent from RM920 to RM1,300.

"Labour cost has also increased during the Movement Control Order as a result of the Covid-19 pandemic. Farms experienced increases in cost due to the implementation of standard operating procedure requirements for workers.

"Workers had returned to their home countries during the pan-

demic due to various reasons, including concern for their families," the association said yesterday.

The federation said there were some farms which could not secure replacement workers.

This had resulted in the farms paying extra for overtime work by existing workers.

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry had recently said the spike in the prices of poultry was due to the increase in chicken feed.

Checks by the *New Straits Times* at the Selangor wholesale market found that the price of chicken per kg had increased to between RM8.80 and RM8.90.



Workers processing chicken at a factory in Johor yesterday. The Federation of Livestock Farmers' Association of Malaysia says besides chicken feed, the cost of labour at chicken farms has also increased due to the pandemic. PIC BY NUR AISYAH MAZALAN

Cukup-cukuplah bagi alasan klise

NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED



WALAUPUN baru memasuki fasa awal Ramadan, sudah mula kedengaran isu kenaikan pelbagai harga barang pengguna. Misalnya, harga barang keperluan harian seperti ayam, ikan, daging dan sayur-sayuran dilaporkan naik mendadak ketika ini di seluruh negara.

Ironinya, perkara ini berlaku pada setiap musim perayaan yang besar seperti bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri di mana harga barang akan meningkat secara mendadak sekali gus menjelaskan kemampuan perbelanjaan orang ramai. Jelas perkara ini masih berterusan walaupun pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak berkuasa. Sehingga kini apa yang pasti, pengguna terus menjadi mangsa rakus para pemborong dan peniaga yang tamak dan mengambil kesempatan. Ini menyebabkan kos sara hidup rakyat semakin tidak menentu terutama tatkala ancaman pandemik Covid-19.

Walaupun pihak berkuasa melaksanakan pelbagai inisiatif seperti memperkenalkan Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan, meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan, malah ramai juga pemborong dan peniaga diheret ke muka pengadilan, namun realitinya senario kenaikan harga barang tetap terus berlaku dan berterusan.

Misalnya, ayam adalah antara item yang sering mengalami kenaikan harga di musim perayaan. Secara umumnya, ayam adalah antara juadah utama baik ketika berbuka puasa maupun Hari Raya Aidilfitri. Maka secara logiknya permintaan terhadap bekalan



PENGUNA terus menjadi mangsa rakus pemborong dan peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga menyebabkan kos sara hidup rakyat semakin tidak menentu terutama tatkala ancaman pandemik Covid-19. - UTUSAN/AMIR KHALID

ayam terus meningkat naik secara drastik terutama beberapa hari menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri. Ini menyebabkan pembekal dan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga bekalan ayam sesuka hati walaupun kerajaan sentiasa menetapkan harga siling.

Seperti biasa, antara alasan klise yang sering diberikan oleh peniaga ialah pembekal serta pemborong menaikkan harga bekalan, maka mereka tiada pilihan kecuali terpaksa menaikkan harga jualan demi memperoleh keuntungan setimpal. Hakikatnya, harga barang boleh dikatakan sentiasa naik, iaitu sepanjang tahun dengan pelbagai alasan yang bersifih ganti seperti bekalan tidak mencukupi, berlakunya kenaikan harga minyak, kenaikan harga bahan mentah atau makanan haiwan ternernakan, kejatuhan nilai mata wang serta ketidakstabilan keadaan ekonomi negara dan dunia.

BOIKOT

Sebagai pengguna, percayalah kita sudah terbiasa dan cukup lari dengan pelbagai alasan yang terus dikitar semula untuk menghalalkan tindakan menaikkan harga barang. Dan apa yang pasti, akhirnya pengguna juga yang terus menjadi mangsa keadaan tatkala peniaga menudung jari kepada pembekal dan

Pengguna juga yang terus menjadi mangsa keadaan tatkala peniaga menudung jari kepada pembekal dan pembekal pula memberikan seribu satu alasan.”

pembekal pula memberikan seribu satu alasan.

Pada hakikatnya, pengguna zaman sekarang semakin bijak di mana akan mencari barang lain jika ada alternatif dan dijual pada harga lebih berpatutan tetapi realitinya kita tidak ada banyak pilihan seperti itu. Malah rakyat juga dilihat semakin berhemat dalam berbelanja kerana menyedari hakikat kos sara hidup semakin meningkat, namun apa yang berlaku adalah di luar kawalan mereka. Syor dan cadangan seperti memboikot sesuatu barang atau peniaga juga dilihat sukar dilaksanakan kerana pengguna sudah tidak ada banyak pilihan. Bagaimana hendak boikot tatkala hampir semua peniaga mengenakan

harga yang sama apatah lagi jika ia membabitkan barang keperluan asas?

Justeru, dalam konteks ini mahu tidak mahu kerajaan perlu masuk campur untuk menstabilkan harga barang bukan sahaja ketika musim perayaan tetapi sepanjang masa. Jelas sekali tindakan penguatkuasaan dan serbuansemata-mata belum mampu memberikan kesan yang diharapkan, apakah lagi secara logiknya mana mungkin penguat kuasa dapat memantau di setiap kedai di seluruh negara pada setiap hari. Dan andai kaedah pengawalan harga ataupun penetapan harga siling jualan kepada peniaga yang dilakukan selama ini juga dilihat belum mampu memberikan kesan yang baik, maka olehlah menukar kaedah dan metodologi strategi kawalan kita.

RUNGUTAN

Dalam konteks ini, beri perhatian serius kepada rungutan peniaga yang mengatakan punca kenaikan harga jualan adalah disebabkan oleh tindakan pembekal dan pemborong tamak yang terus memanipulasikan harga bekalan barang. Misalnya, apa tindakan kita terhadap kelompok pembekal mahupun pemborong dan sejauh mana ia efektif dan berkesan?

Timbul juga persoalan, apakah pembekal dan pemborong terlalu kebal sehingga pihak berkuasa tidak mampu untuk mengawal mereka?

Tuntasnya, hentikanlah perbuatan mengganjaya dan membuli pengguna. Kita mahu kerajaan mengambil tindakan lebih tegas dan mengawal harga barang pada setiap rantai bekalan, iaitu bermula dari pembekal dan pemborong hingga ke peniaga akhir. Baharulah kita dapat mengawal harga sesuatu barang itu secara keseluruhannya.

Untuk itu, kita berharap kerajaan melalui kementerian terlibat segera menetapkan mekanisme sesuai yang lebih efektif dan efisien supaya dapat mengawal harga keseluruhan rantai bekalan barang di pasaran. Hukuman setimpal dan tegas perlu dikenakan pada setiap peringkat supaya semua pelaku terlibat menerima padah dan hukuman sewajarnya agar ménjadi ictibar dan pengajaran kepada yang lain. Tidak lama lagi kita akan menyambut Hari Raya Aidilfitri dan jangan biarkan pembekal, pemborong dan peniaga terus mencelik darah dan bermaharajalela menindas dan menzalimi pengguna.

PENULIS ialah pentadbir universiti dan pengalaman isu semasa.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : RABU
TARIKH : 21/4/2021
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan			
Ayam	RM5.99	Telur Gred A	RM9.90
Daging Lembu Tempatan	RM32	Ikan Kembung	RM7.69
Daging Lembu Import	RM25	Minyak Masak	RM5.30
Gula Pasir	RM2.85	Bawang Besar Holland	RM2.29
Bawang Putih	RM4.88	Cili Merah	RM5.90
Kubis Tempatan	RM2.50	Tepung Gandung	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)

21 APRIL 2021 (RABU)

SSM perkenal Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP)

Perdaftaran Perniagaan Percuma bantu usahawan harungi cabaran Covid-19

NOR AZIMAH

Pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pelbagai peringkat sejak Mac tahun lalu sehingga kini menyebabkan ramai individu hilang pekerjaan.

Keadian ini telah mendorong kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif dan pelan pemuliharaan ekonomi dalam membantu meringankan beban rakyat dan sektor perniagaan terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sejak tahun lalu.

Prihatin dengan nasib rakyat yang terkesan akibat penularan wabak Covid-19, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengambil langkah ke hadapan bagi menyokong usaha dan inisiatif kerajaan untuk memudahkan cara rakyat yang terkesan menceburan bidang perniagaan.

Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Nor Azimah Abdul Aziz berkata, SSM sebagai sebuah badan berkanun yang mengawal selia entiti perniagaan di negara ini melalui aktiviti pendaftaran, pembekalan maklumat dan penguatkuasaan seimbang memahami kesukaran sebahagian masyarakat dalam merangkung diri ketika pandemik.

Beliau berkata, SSM telah melaksanakan pelbagai inisiatif pada tahun 2020 dan masih diteruskan pada tahun ini.

"Antara inisiatif yang telah diperkenalkan adalah Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP).

"SPPP diperkenalkan sebagai sokongan dan galakan kepada masyarakat khususnya golongan B40 untuk menceburan bidang perniagaan bagi menjana sumber pendapatan alternatif kepada penggajian tetumannya apabila hilang pekerjaan," katanya.

SPPP diperluas kepada usahawan B40, pelajar IPT

Menurut Nor Azimah, SPPP telah diperkenalkan bagi membantu individu terjejas akibat pandemik Covid-19 untuk mendaftarkan perniagaan mereka secara percuma melalui pengecualian fi pendaftaran.

Beliau berkata, sebelum ini, SSM telah melancarkan Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1PIP) pada 1 Jantari 2017.

"Di bawah program ini, pelajar-pelajar sepenuh masa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), politeknik, kolej dan pusat-pusat kemahiran dalam negara yang ingin mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 akan dikecualikan fi pendaftaran," katanya.

Nor Azimah berkata, sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 65,837 perniagaan telah memanfaatkan S1PIP.

"Selaras dengan situasi semasa, SSM

komited untuk membantu masyarakat yang terkesan dengan memperkenalkan SPPP yang dilancarkan pada 23 Disember 2020. SPPP diperkenalkan sebagai usaha penambahbaikan kepada S1PIP," katanya.

Beliau berkata, pelancaran itu adalah lanjutan daripada pengumuman yang dibuat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Sri Alexander Nanta Linggi di sidang Dewan Rakyat pada 15 Disember 2020.

"Pada peringkat awal pelaksanaan SPPP, skim ini ditawarkan kepada golongan belia dan ibu tunggal dalam kumpulan B40 serta pelajar IPT sepenuh masa.

"Namun, pada 16 Februari 2021, SSM telah menambah baik skim ini untuk diperluaskan kepada semua golongan usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa. Skim ini tidak lagi terhad kepada golongan belia, ibu tunggal serta pelajar sahaja seperti sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, SPPP bukan sahaja dapat menarik minat golongan yang terkesan untuk mencuba bidang perniagaan tetapi dapat membantu mereka meneroka bidang perniagaan yang berpotensi untuk menjana pendapatan.

Menurut Nor Azimah, SSM menjangkakan seramai 180,000 usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa akan memanfaatkan skim ini untuk menceburan bidang perniagaan.

"Sejak SPPP diperkenalkan sebanyak 4,447 permohonan telah diluluskan merangkumi perniagaan milik tunjang dan perkongsian," katanya.

Tambahnya, sebagai galakan kepada orang ramai untuk menceburan bidang perniagaan dan memanfaatkan SPPP, SSM turut menganjurkan Program Bimbingan Usahawan 2021 (PBU21).

Saya menyeru para peniaga untuk memanfaatkan SPPP ini dengan mendaftarkan perniagaan secara percuma dengan SSM

"Program ini bermatlamat untuk memberikan pendedahan mengenai amalan perniagaan kepada golongan sasaran dan membantu mereka meningkatkan taraf ekonomi kendiri melalui aktiviti perniagaan," katanya.

Kepentingan perniagaan berdaftar

Menurut Nor Azimah, semua perniagaan perlu berdaftar dengan SSM sama ada di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 yang terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja atau di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

"Peruntukan ini tidak hanya merujuk kepada aktiviti perniagaan yang dijalankan secara konvensional, tetapi turut merangkumi aktiviti perniagaan yang dijalankan secara dalam talian (online)," katanya.

Beliau berkata, perniagaan yang berdaftar adalah perniagaan yang sah di sisi undang-undang dan mempunyai maklumat lengkap dan terkini yang disimpan di SSM dan boleh disemak oleh awam.

"Perniagaan yang berdaftar juga dapat melindungi pengguna daripada ditipu serta memberi keyakinan kepada pembeli untuk menjalankan aktiviti urusniaga, menguatkuasakan hak di sisi undang-undang, mendapatkan dana bagi modal perniagaan dan pelbagai faedah yang lain," katanya.

Oleh itu, beliau turut menyeru para peniaga untuk memanfaatkan SPPP ini dengan mendaftarkan perniagaan secara percuma dengan SSM.

SSM mendukung agenda kerajaan

Nor Azimah berkata, SSM mendapati pandemik Covid-19 telah mendorong ramai individu yang terkesan untuk menceburan diri dalam bidang keusahawanan.

"Malah semasa tempoh pandemik ini, SSM merekodkan peningkatan jumlah pendaftaran perniagaan baharu iaitu sebanyak 389,919 pada tahun 2020 berbanding 363,605 pada tahun 2019 dengan peningkatan sebanyak 7.2 peratus.

"Ini menunjukkan bahawa pandemik bukan penghalang orang ramai untuk menceburan diri dalam bidang perniagaan," katanya.

Nor Azimah berkata, SPPP yang diperkenalkan oleh SSM adalah selaras dengan agenda Program Strategi Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (Pemerka) yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini.

"Selain itu, SSM turut memberi pengecualian kompaun atas kelewatan memperbarui pendaftaran perniagaan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan baharu di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 sehingga 31 Disember 2021.

"Pengecualian kompaun ini diperkenalkan bertujuan membantu komuniti perniagaan yang terkesan semasa PKP di mana ramai peniaga dan baka peniaga tidak dapat mempertahankan



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agenzia di bawah KPDNHEP)

INFO SPPP

SPPP telah diperlucus kepada semua usahawan kumpulan B40 termasuk pelajar IPT sepenuh masa secara percuma (Pengecualian fi pendaftaran perniagaan). Berikut adalah perincian kategori yang layak memohon SPPP:

(a) Kategori Usahawan Kumpulan B40:

- Pemegang MyKad/MYPR; Berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan;
- Mempunyai maklumat dalam pangkalan data penerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 Bagi Golongan B40. (Semakan boleh dibuat di <https://bon.hasil.gov.my>); dan
- Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM.

(b) Kategori Pelajar IPT Sepenuh Masa:

- Pemegang MyKad/MYPR;
- Warganegara berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan;
- Pengajian belajar/kursus secara sepenuh masa di mana-mana IPTA/IPTS/Politeknik/Kolej Institut Kemahiran/Pusat Kemahiran di dalam negara; dan
- Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM.

perakutan pendaftaran perniagaan atau lewat mendaftarkan perniagaan baharu menyebabkan mereka dikenakan kompaun," katanya.

SSM memudahkan urusan pelanggan

Beliau berkata, dengan perkembangan teknologi pada masa kini, SSM turut menawarkan urusan berkaitan pendaftaran perniagaan yang boleh dilakukan secara online melalui pautan ezbiz.ssm.com.my.

"Pendaftaran perniagaan kini menjadi lebih mudah dan boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana sahaja hanya di hujung jari. Malahan proses kini lebih pantas berbanding dahulu," katanya.


Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat mengenai SPPP dan SSM boleh menghubungi pusat panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my.

FAEDAH MENDAFTARKAN PERNIAGAAN

- 1 Perniagaan diakui oleh diraja undang undang
- 2 Membolehkan akaun semasa pembiayaan dicabut
- 3 Soal menghadkan kontak atau perjanjian piawaian
- 4 Meningkatkan kepercayaan pembeli untuk bertransaksi dengan peniaga yang sah
- 5 Berpeluang menerima latihan kerapuhuan yang disediakan oleh agensi berkaitan
- 6 Berpeluang mendapat bantuan pinjaman kewangan kerapuhuan dan kerajaan atau agensi berkaitan



UNTUK MENDAFTARI, LAYARI <https://ezbiz.ssm.com.my> ATAU SCAN QR CODE



Awas
Agenzia di bawah KPDNHEP
"Perniagaan Anda Bermula Di SSM"

FIRMA PENGURUS SSM
ES-77214000

E-MIL
enquiry@ssm.com.my